KERATAN AKHBAR

JUDUL : Berita Harian

TARIKH : Rabu, 2 Januari 2013

M/S : 2






*Muhyiddin dan Noorainee menyampaikan* ***angpau kepada kanak-kanak*** *sambil diperhatikan (dari kanan) Rais, isterinya, Datin Seri Masnah Rais serta Kayveas pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru 2013 di Dewan Merdeka PWTC, semalam.*

[FOTO YONG CHEE CHOONG/BH]

# Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru 2013 meriah

**Kuala Lumpur:** Lebih 2,000 masyarakat pelbagai kaum menghadiri Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru 2013 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman turut menghadiri majlis anjuran Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) dan Parti Progresif Penduduk (PPP).

Hadir sama Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim dan Timbalannya, Datuk Maglin Dennis D' Cruz; Presiden PPP, Datuk Seri M Kayveas; Presiden MIC, Datuk Seri G Palanivel dan Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Muhyiddin turut menyampaikan angpau kepada penghuni rumah kebajikan orang tua dan pusat jagaan kanak-kanak di sekitar Lembah Klang.